

14/07/2001

Pelajar Melayu alami sindrom bisu ilmu

Jaafar Abdul Rahim

MEMANG ada pelajar Melayu yang masih tidak tahu membezakan ilmu daripada pengetahuan. Mereka menganggap kedua-duanya sama. Mungkin ramai graduan yang tidak yakin sama ada mereka memperoleh ilmu setelah lulus daripada universiti.

Ada antara mereka yang berasa diri mereka hebat setelah keluar universiti kerana mereka lulus peperiksaan. Anggapan ini tentulah palsu kerana universiti bukan tempat ujian terakhir untuk memastikan sama ada mereka berilmu atau tidak.

"Kita perlu menyediakan diri kita bukan saja dari segi ilmu pengetahuan, bahkan juga dari segi sikap. Ilmu pengetahuan dengan sendirinya tidak akan dapat menjamin kita dapat melaksanakan sesuatu dengan baik.

"Saya nak kata berterus-terang, saya berasa malu sebagai orang Melayu apabila bangsa saya perlu ditolong sedemikian sedangkan bangsa saya mempunyai kebolehan yang sama dengan orang lain.

"Yang tidak ada pada kita ialah usaha yang bersungguh-sungguh untuk menuntut ilmu dan untuk mendapatkan kelulusan tinggi. Saya yakin jika kita mampu kepada penguasaan ilmu, anak Melayu akan mendapat kelulusan yang sama dengan anak dari keturunan lain."

Demikian sedutan ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis penutup Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Di Alaf Baru di Universiti Malaya, 1 Julai lalu.

Petikan ucapan ini mencerminkan kesungguhan Perdana Menteri untuk melihat anak bangsanya maju dengan menguasai ilmu. Dengan penguasaan ilmu yang betul, berkesan dan tinggi, pelajar Melayu akan dihormati oleh pelajar kaum lain. Ertinya maruah pelajar Melayu meningkat kerana sikapnya yang betul terhadap ilmu.

Banyak pengajaran yang boleh diambil daripada ucapan ini jika ia direnungkan dan dikaji secara terperinci. Setiap kata Perdana Menteri sesungguhnya adalah motivasi kepada pelajar Melayu sekiranya ia dipandang secara positif.

Ahli falsafah dan ahli motivasi selalu menekankan bahawa jika sesuatu dipandang secara positif, akan positiflah jadinya. Begitulah juga jika ia dipandang negatif, maka negatiflah jadinya.

Motivasi ilmu memang cukup menarik jika kita perincikan. Kita harus bertanya mengapa kita memasuki universiti? Adakah untuk sekeping ijazah atau kita benar-benar jujur untuk menguasai ilmu? Atau kita ingin menunjukkan keegoan kita untuk menuntut keadilan?

Jadi, apabila kita menunjuk perasaan atau melakukan demonstrasi jalanan, ada orang berkata: "Lihat intelektual muda yang berdemonstrasi."

Tentu ada substansinya. Mereka mahu menunjukkan substansinya, iaitu isi intelektual perjuangan mereka kononnya.

Penulis masih ingat kepada lukisan kartun dalam sebuah buku yang menunjukkan ada pelajar yang berfikir ketika menunggu giliran untuk mengambil ijazah dalam satu konvokesyen universiti.

Pelajar itu bertanya pada dirinya: "Cukupkah ilmu aku ini selepas empat tahun berada di universiti? Layakkah aku menerima ijazah pertama? Apakah yang aku dapat - ilmu, cebisan ilmu, cebisan pengetahuan atau sekeping ijazah yang membuktikan aku belajar dengan cara yang betul, mempunyai daya ingatan yang kuat dan tahu teknik menjawab soalan peperiksaan dengan berkesan. Adakah sesuatu yang ku bawa daripada universiti benar-benar ilmu?" Soalan ini boleh dijawab sama ada ya atau tidak.

Memang ada pelajar Melayu yang masih tidak tahu membezakan ilmu (science) daripada pengetahuan (knowledge). Mereka menganggap kedua-duanya sama. Mungkin ramai graduan yang tidak yakin sama ada mereka memperoleh ilmu setelah lulus daripada universiti.

Ada antara mereka yang berasa diri mereka hebat setelah keluar universiti kerana mereka lulus dalam peperiksaan. Anggapan ini tentulah palsu kerana universiti bukan tempat ujian terakhir untuk memastikan sama ada mereka berilmu atau tidak.

Ibarat seorang pelajar yang mempelajari silat, dia tidak akan menjadi pendekar jika hanya berlawan di dalam gelanggang yang hanya mengalahkan musuh olok-olok.

Gelanggang sebenarnya ialah di luar universiti. Dia akan menjadi pendekar ilmu sekiranya ilmunya diuji dalam masyarakat. Oleh itu memiliki sekeping ijazah semata-mata (termasuklah pada peringkat sarjana atau kedoktoran) belum tentu menunjukkan bahawa secara automatik dia menjadi intelektual atau ilmuwan.

Ilmunya harus diuji, dibedah dan dimanfaatkan. Ilmu di universiti yang penuh dengan teori, ragam prosedur yang ada kalanya cukup ketat dan artificial harus dijadikan sesuatu yang pragmatis dalam masyarakat.

Pelajar Melayu harus berusaha mempelajari falsafah ilmu atau epistemologi. Jika tidak, ilmu yang diperoleh di universiti, bagi mereka, hanya berguna untuk mendapat kerja dan gaji yang baik. Tidak lebih daripada itu.

Tinjauan mendapati ada pelajar universiti yang menghadapi `sindrom bisu' apabila mereka dihadapkan persoalan ilmu yang agak mendalam dan kritis. Ternyata kebolehan mereka agak dangkal dan terbatas pada nota syarahan pensyarah atau cebisan bacaan buku yang ditentukan oleh pensyarah semata-mata. Di luar nota syarahan, di luar pembacaan buku wajib untuk setiap subjek, mereka membisu.

Mereka berkebolehan meluahkan kembali nota yang mereka tekuni, itu pun kalau daya ingatan mereka baik. Jika tidak mereka akan hilang segala-galanya.

Ada pelajar Melayu yang tidak kritis fikirannya, malas menyoal pensyarah. Dia tidak faham sesuatu yang disampaikan oleh pensyarahnya.

Seorang pelajar universiti memberitahu ada pelajar yang mengemas barang lima minit sebelum kuliah berakhir sedangkan ada pelajar lain yang masih tidak puas dengan ilmu yang disampaikan oleh pensyarah.

Semua ini soal sikap pelajar terhadap ilmu. Jika mereka masuk universiti untuk tujuan sekeping ijazah, tidak untuk memperoleh dan menguasai ilmu, beginilah jadinya. Mereka belajar bukan untuk ilmu tetapi untuk ijazah.

Begitulah orientasi kebanyakan pelajar yang memasuki universiti. Jadi, ada yang cerdik sedikit daripada lulusan SPM atau STPM walaupun sudah tiga atau empat tahun berada di universiti.

Begitulah jika kita ambil takrif ilmu sebenarnya yang mengikut Profesor Syed Naquib Al-Attas, ketibaan makna dalam roh sesuatu benda, maka kita akan dapati pelajar tidak memperoleh apa-apa ilmu walaupun telah lama berada di universiti.

Lama bukan menjadi ukuran seseorang pelajar Melayu memperoleh ilmu. Sistem yang ada sekarang di universiti menyebabkan pelajar menambah masa sekiranya mereka gagal dalam sesuatu subjek. Mereka terpaksa mengulang subjek yang mereka gagal. Bukankah hal ini boleh menimbulkan kebosanan terhadap ilmu?

Penulis bersetuju dengan Perdana Menteri bahawa ada pelajar Melayu yang tidak serius belajar walaupun tidak boleh dikatakan mereka main-main. Mereka tidak serius kerana sikap. Dapat `B' atau `C' pun tidak apa, asal lulus.

Ertinya mereka tidak mendapat barakah daripada ilmu yang mereka

pelajari. Sebab itu ilmu yang diperoleh, mudah mereka lupakan selepas keluar universiti. Ketiadaan barakah ilmu demikian kerana mereka tidak belajar dengan penghayatan. Ilmu tidak sehati dengan diri mereka. Ilmu tidak menyuluh segala percakapan harian, tindakan dan pertimbangan mereka. Yang memandu pertimbangan mereka ialah emosi yang membuak-buak dan tidak terkawal. Sindrom seperti ini bukan saja diwarisi oleh pelajar Melayu, malah ada pensyarah Melayu juga.

Penulis pernah mendengar perbualan pensyarah Melayu di kantin tenaga pengajar sebuah universiti. Yang mereka bicarakan hampir keseluruhannya tentang soal-soal perkembangan harian yang tidak kena mengena dengan soal ilmu, soal rumah, kereta dan soal kenaikan pangkat. Jarang, malah tidak pernah, penulis dengar mereka bercakap tentang soal ilmu atau menyebut buku terbaru. Pensyarah seperti inilah yang menyebabkan pelajar Melayu menghadapi sindrom bisu ilmu.

Apa tidaknya, nota syarahan diulang-ulang dari tahun ke tahun. Tidak ramai pensyarah Melayu yang mencabar pelajar Melayu membaca buku baru yang tentunya dapat memberi ilmu terbaru.

Begitulah keadaannya jika pensyarah Melayu pun malas membaca. Penyakit ini berjangkit pula kepada pelajar Melayu. Hal ini membabitkan pemikiran pensyarah yang hanya mampu mengungkapkan pemikiran harian, bukannya pemikiran ilmiah.

Hal ini mungkin juga kerana ada pensyarah Melayu menganggap pemikiran ilmiah hanya sesuai dalam bilik kuliah semata-mata, tidak di luar bilik kuliah dan dalam kehidupan harian mereka dan pelajar.

Hal ini tidak sepatutnya terjadi jika universiti sendiri menyedari fungsi mereka sebagai pembawa obor ilmu. Sesungguhnya kehebatan universiti bukan saja diukur daripada ramai pensyarahnya bergelar profesor, bahkan dari kualiti pelajarannya.

Begitulah motivasi terhadap ilmu cukup penting untuk mewujudkan pelajar Melayu mencintai ilmu.

"Buatlah sesuatu yang lebih," kata Napoleon Hill dalam bukunya, *Law of Success*. Ertinya, pelajar Melayu harus ada minda bertanya yang sentiasa haus akan ilmu.

Tidak cukup hanya berbincang dengan pensyarah, pelajar Melayu harus memahami ilmu, mencari buku baru, menelaahnya dan berbincang dengan rakan sekuliah agar masing-masing dapat berkongsi ilmu baru.

Dalam diri pelajar Melayu, perlu subur sikap kritis (bukannya pandai menunjukkan kesilapan orang semata-mata). Sikap kritis terhadap ilmu harus dituruti dengan minda yang terbuka terhadap ilmu.

Pensyarah harus dijadikan kawan tempat menimba ilmu. Buku harus menjadi teman karib apabila sunyi, bukan setakat majalah picisan atau televisyen semata-mata. Selanjutnya mereka harus bersedia untuk berkongsi dengan masyarakat setelah lulus daripada universiti kelak, bukan mencampak buku jauh-jauh dan menjadikan majalah hiburan, majalah dan buku anti-kerajaan sebagai teman hidup.

Sesungguhnya pemikiran (kritis dan kreatif) adalah kebolehan kognitif tertinggi yang dianugerahkan Allah kepada kita, termasuk pelajar Melayu. Jadi, hendaklah kita dalam keadaan apa sekalipun memanfaatkan pemikiran kritis dan kreatif ini.

Begitulah dalam menggarap ilmu, yang penting ialah pelajar Melayu boleh memahami hal-hal yang dipelajarinya. Pemahaman terhadap ilmu hanya akan diperoleh sekiranya pelajar Melayu betul-betul memanfaatkan sikap dan pemikiran kritis yang subur dalam dirinya. Soal lama belajar bukan suatu lesen untuk kita memahami ilmu.